



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH beramah mesra dengan Khatijah Yusoff (kiri) sambil diperhatikan Aini Ideris di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/JEFFRI IRAN

Sultan Sharafuddin sempurnakan Majlis Akademia Putra 2016

KUALA LUMPUR 11 Mei – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini berkenan menyempurnakan Majlis Akademia Putra 2016 di Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini.

Keberangkatan baginda yang juga Canselor UPM itu disambut oleh Naib Canselor, Prof. Datin Dr. Aini Ideris.

Yang turut hadir dua Pro Canselor UPM iaitu Tan Sri Dr. Nayan Ariffin dan Tan Sri Lim Ah Lek.

Sebanyak empat kategori Anugerah *Fellowship* Naib Canselor dipertandingkan tahun ini iaitu kategori Pengajian, Penye lidikan dan Inovasi, Perkhidmatan Profesional dan Perunding Cemerlang yang telah dimenangi oleh 21 pensyarah dan seorang kakitangan pentadbiran UPM.

Dalam majlis itu juga, Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang anugerah utama Majlis Akademia Putra 2016 iaitu Anugerah Khas Akademia

Putra yang dimenangi oleh Pensyarah Kanan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM, Prof. Datin Dr. Khatijah Yusoff.

Khatijah yang juga Naib Presiden Akademi Sains Dunia terkenal dengan hasil kaji selidik dalam bidang sains, khususnya perubatan yang membawa manfaat kepada manusia dan yang terbaharu, beliau bersama pasukan kajiannya menghasilkan vaksin bagi melawan pelbagai jenis penyakit kanser.

Beliau ketika ditemui berasa teruja dengan penghargaan yang diberikan oleh UPM dan bercita-cita untuk memperkembangkan ilmu sains dalam kalangan generasi muda supaya lebih ramai saintis dari Malaysia dapat dilahirkan.

Sebelum berangkat pulang, Sultan Sharafuddin melancarkan dua buah buku terbitan UPM iaitu *Orchids: In The Montane Forest of Peninsular Malaysia* dan *Discovering 100 Birds of Universiti Putra Malaysia*.